

BANK ISLAM UBAH WAKTU OPERASI SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT

Perubahan melibatkan 46 cawangan di Sabah, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya

KUALA LUMPUR, Rabu, [14 Oktober 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menyelaraskan waktu operasi 46 cawangannya di negeri Sabah dan Lembah Klang. Langkah ini susulan daripada pengumuman pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ("PKPB") baru-baru ini oleh kerajaan, berkuat kuasa hari ini. Sejumlah 31 cawangan di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang berada di kawasan zon hijau/kuning beroperasi dengan waktu terhad dari jam 10:00 pagi hingga 3:00 petang, manakala 15 cawangan di kawasan zon merah di Sabah, Selangor dan Kuala Lumpur dibuka dengan perkhidmatan terhad dari 9:00 pagi hingga 2:00 petang (Sabah), dan 10:00 pagi hingga 3:00 petang (Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya). Sementara itu, cawangan Lahad Datu di Sabah ditutup sementara sehingga diberitahu kelak.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Berikutan peningkatan kes positif COVID-19 di seluruh negara, kerajaan telah mengambil langkah untuk melaksanakan PKPB. Mementingkan faktor keselamatan para pelanggan dan kakitangan, kami terus komited untuk mematuhi langkah-langkah yang diambil untuk mengekang penularan pandemik ini, termasuk mengehendkan waktu operasi di cawangan-cawangan terlibat."

"Kami menggalakkan para pelanggan untuk menggunakan platform perkhidmatan perbankan digital, termasuk aplikasi mudah alih GO by Bank Islam, platform Perbankan Internet Bank Islam (<https://www.bankislam.biz>) atau terminal-terminal layan diri. Selain itu, perkhidmatan E-banker kami juga tersedia untuk memudahkan transaksi perbankan perniagaan," tambah beliau.

Waktu operasi yang baharu dan perkhidmatan disediakan adalah seperti berikut:

LOKASI	JUMLAH CAWANGAN	STATUS OPERASI
<p><u>Zon Merah</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sabah • Selangor • Kuala Lumpur 	15	<ul style="list-style-type: none"> • Waktu operasi terhad: • Sabah: dari jam 9:00 pagi - 2:00 petang • Selangor dan Kuala Lumpur: dari jam 10:00 pagi hingga 3:00 petang • Perkhidmatan terhad di kaunter merangkumi pertukaran wang, kiriman wang, perkhidmatan kad debit-i, pengeluaran/ deposit, perkhidmatan TH dan ASNB
<p><u>Zon Hijau/Kuning</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Selangor • Kuala Lumpur • Putrajaya 	31	<ul style="list-style-type: none"> • Waktu operasi terhad dari jam 10:00 pagi hingga 3:00 petang

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai cawangan yang terjejas, pelanggan dinasihatkan untuk melayari laman web kami di pautan www.bankislam.com atau menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di 03-2690 0900. Sebagai alternatif, pelanggan boleh merujuk ke platform media sosial kami untuk mendapatkan maklumat terkini.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

<p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com</p>	<p>Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com</p>
---	---